

Menungan Masyarakat:

Menghadapi Persoalan Keruntuhan Akhlak

Sekalipun persoalan berhubung dengan keruntuhan akhlak muda-mudi kita sudah seringkali

diperbincangkan oleh umum, namun penulis masih merasa ghairah untuk memperkatakannya di sini. Ini adalah

didorong oleh dua sebab:

Pertama: Kerana ianya adalah merupakan masalah kebangsaan yang besar – sama besarnya dengan masalah-masalah

kebangsaan yang lainnya di tanah air yang kerap kali membuat banyak kepala menjadi buntu kerananya.

Kedua: Kerana persoalan ini masih terbentang di hadapan mata kita dan penyelesaiannya belum dicapai lagi.

(Oleh: Safwan Haji Abdul Fatah)

Ya, persoalan keruntuhan akhlak muda-mudi memang tidak seharusnya dipandang enteng kerana kita mengakui sebagaimana yang pernah dikatakan orang, bahawa andainya persoalan itu tidak segera diatasi, maka sudah tentu akan mengakibatkan tergendalanya projek pembangunan dalam segala bidang yang sedang dilancarkan oleh kerajaan sekarang.

Di sini penulis suka menarik perhatian, yaitu kepada siapakah seharusnya dibebankan tanggungjawab untuk berusaha bagi mengubati “wabak akhlak” yang semakin menjadi-jadi sekarang ini? Dan bagaimanakah cara-cara untuk mengubatinya?

Punca kerosakan:

Sebelum pertanyaan-pertanyaan yang tersebut di atas dijawab, ada baiknya lebih dahulu kita merenung kembali berhubung dengan sebab-sebab atau punca yang mengakibatkan bejatnya akhlak kaum belia kita sekarang ini.

Menurut tinjauan penulis, ada dua sebab yang pokok menjadi punca kerosakan moral muda-mudi kita sekarang ini, yaitu:

Pertama: Kekosongan jiwa,
Kedua: Lemah kawalan.

Kita tiada dapat menafikan, bahawa sebahagian besar muda-mudi yang rosak akhlaknya adalah disebabkan kosong jiwanya dari ilmu pengetahuan agama, kosong dari cita-cita yang luhur dan murni untuk melayakkan diri sebagai pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Tidak tertanam dalam jiwa mereka benih-benih agama yang subur, tidak berakar umbi dalam jiwa mereka keulitan dan ketebalan iman. Kerana pada mereka agama itu hanya menjadi hiasan di bibir atau sebutan di lidah sahaja. Pendeknya dengan lain-lain perkataan bolehlah ditegaskan, bahawa keislaman mereka hanya pada kulit di luar, tidak tertanam dalam hati; hanya Islam keturunan, bukan Islam jati.

Rumahtangga kosong dari agama:

Hal yang demikian terjadi dari berbagai-bagai sebab pula. Ada segolongan anak-anak muda yang tidak mendapat asuhan agama sejak dari kecil. Mereka dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang tidak menghargai norma-norma keagamaan dan nilai-nilai kerohanian. Ada pula setengahnya yang menerima didikan agama, tetapi cuma di sekitar beberapa masalah peribadatan kepada Tuhan dan pelajaran kaedah membaca al-Qur’ān (tanpa mengetahui maknanya) semata-mata. Pelajaran-pelajaran yang bertujuan untuk membentuk keperibadian Islam yang kukuh tidak disemikan ke dada mereka dengan secara mendalam dan sungguh-sungguh.

Selain dari itu, ada kita dapati golongan anak-anak yang menerima nasib yang sama seperti yang tersebut di atas lantaran kemiskinan, atau disebabkan oleh kepincangan masyarakat seperti berlakunya perceraian antara ibu dan bapa mengakibatkan anak-anak

... Keruntuhan Akhlak.

tidak mendapat pemeliharaan yang sempurna.

Di sini dapatlah kita mengambil suatu kesimpulan, bahawa muda-mudi kita adalah ibarat pohon-pohon yang tidak menerima baja dan siraman air yang secukupnya menjadikan pohon-pohon itu tak dapat hidup dengan subur. Sudahlah itu dibiarkan dan dicuainya penjagaannya pula dengan tidak dipagari di sekelilingnya, maka ini menyebabkan pohon-pohon itu dengan mudah dapat diserang oleh musuh-musuhnya.

Ibu bapa tidak menaruh cemburu:

Begitulah halnya dengan anak-anak muda kita. Ibu bapa mereka bersikap acuh tak acuh, endah tak endah untuk memberi kawalan dan jagaan, bahkan anak-anak dilepas bebaskan dengan tidak ada tegur dan tunjuk ajar di atas apa kesilapan di dalam gerak-geri dan tindak-tanduk yang mereka lakukan. Anak-anak diberi kebebasan penuh dalam pergaulan tanpa batasan dan sempadan. Ibu bapa tidak menaruh cemburu, tidak ada pertanyaan dikemukakan kepada anak-anak yang pulang rumah lewat tengah malam dari menghadiri parti atau majlis tari menari, atau sengaja keluar rumah kerana berpelesenan di tepi-tepi pantai dan taman-taman bunga.

Kebudayaan-kebudayaan kita sama ada dalam mahupun dari luar diberi bernafas untuk berkembang dan berleluas-luas hidup dengan sesubur-suburnya. Tidak

ada tindakan tegas yang dijalankan untuk mematakannya. Maka tersogok dan terhidanglah kepada masyarakat belia kita yang kosong jiwanya itu: Filem-filem lucah, buku-buku seks, ditambah pula dengan tarian-tarian pemberahi, *twist*, *agogo* dan lagu-lagu pop irama rancak yang membangkitkan kegeloraan jiwa rumaja yang memang telah sedia bergelora itu.

Masyarakat muda-mudi kita sekarang benar-benar laksana kuih-kuih dalam hidangan yang terdedah tidak tertutup, dihinggapilah oleh lalat-lalat dan bertaburanlah kuman-kuman dengan banyaknya, menyebabkan kiranya dimakan kuih-kuih itu pasti mendatangkan mudarat dan bahaya.

Siapa yang bersalah?

Siapakah yang bersalah – yang menyebabkan berlakunya gejala-gejala buruk ini?

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang tersebut di atas, maka kesalahan yang besar haruslah ditekankan kepada ibu bapa, kemudian kepada pemerintah negara dan seterusnya pemimpin-pemimpin dalam masyarakat termasuklah pemimpin-pemimpin muda-mudi itu sendiri, kerana masing-masing yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan masyarakat muda-mudi itu – telah mengalpakan tanggungjawab terhadap mereka.

Di dalam hubungan ini, kita sangat berdukacita, kerana banyak pihak yang belum (bahkan ada yang sengaja tidak mahu) menyedari kesalahan masing-masing. Oleh sebab itu, maka di dalam menghadapi usaha-usaha bagi mengatasi krisis moral muda-mudi

sekarang ini tidak ada kita dapati kerjasama yang erat dari semua pihak. Ada golongan yang cuma pandai berkata-kata tanpa membuat usaha. Ada pihak yang hanya menjadi pemerhati sahaja. Pemimpin-pemimpin dalam masyarakat yang sepatutnya mengambil inisiatif yang cergas di samping memberikan contoh-contoh yang baik supaya diikuti oleh muda-mudi, tetapi masih banyak di antara mereka yang bersikap sebaliknya. Demikian juga pihak pemerintah yang seharusnya membuat tindakan-tindakan tegas, tetapi masih di dalam keadaan pasif dan ragu-ragu. Akibat dari kesemua ini, maka muda-mudi kita terus dibawa oleh arus kebejatan moral. Kebejatan itu dari sehari ke sehari semakin bertambah-tambah hebat dan dahsyat hingga mendebarkan setiap jantung orang yang beriman.

Usaha-usaha untuk mengatasinya:

Jika dipandang dengan sepintas lalu, kita memang mengakui, bahawa usaha-usaha untuk memperbaiki kejatuhan moral muda-mudi kita yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu dan badan-badan kebajikan sekarang ini boleh juga dibanggakan. Kerana kita boleh menyaksikan betapa penyebaran pelajaran agama sekarang dijalankan dengan meluas serta tidak sedikit jumlah wang yang dibelanjakan kerananya.

Pelajaran agama diberikan tidak sahaja di sekolah-sekolah, bahkan melalui akhbar-akhbar, majalah-majalah, radio dan televisyen. Usaha memperkembang agama hari ini lebih maju ke hadapan jika dibanding dengan “zaman pondok” –

... Keruntuhan Akhlak.

atau zaman belum terdapat banyak masjid-masjid indah-indah yang berdiri dengan megah di seluruh pelusuk tanah air seperti yang kita saksikan sekarang.

Tetapi, dalam pada itu, apabila kita mengamat-amati dengan secara teliti perkembangan-perkembangan lain yang bercorak kemaksiatan yang berjalan dengan lebih rancak kerana mendapat dokongan yang begitu teguh dan kuat dari banyak pihak, maka timbullah kesangsian, timbullah syak dan ragu serta terasalah berat untuk kita menaruh harapan yang cerah, bahawa usaha-usaha dan


pengorbanan yang besar itu boleh menelurkan natijah seperti yang diharapkan.

Malah sebaliknya, amatlah logik sekali jika dikatakan, bahawa keadaan yang ada sekarang ini, tak ubah laksana memberi susu kepada seorang anak, serentak dengan itu diberinya minum racun. Maka apalah akibat yang menimpa kepada diri anak itu? Ya - , kalaulah sekiranya anak itu tidak menemui maut, sekurang-kurangnya kesihatannya pasti akan terganggu.

Oleh itu, setiap orang yang insaf adalah mengharapkan, di samping kita menjalankan usaha-usaha yang baik, menghebatkan dakwah dan tabligh, maka usaha-usaha membasmi kemungkaran hendaklah

dijalankan. Harapan kita khususnya kepada pihak yang berkuasa, hendaklah mengharamkan kebudayaan-kebudayaan kuning, buku-buku seks, filem-filem lucah dan lain-lain lagi aneka macam maksiat kebangsaan dan antarabangsa yang ada di negeri ini yang menjadi santapan muda-mudi yang paling digemari.

Kepada ibu bapa, alim-ulama, kaum pendidik dan pemimpin-pemimpin dalam masyarakat, - masing-masing hendaknya terus-menerus memberikan kerjasamanya dalam usaha-usaha yang suci itu, kerana dengan adanya kerjasama dari kesemua pihak itu sahajalah, maka “wabak akhlak” muda mudi kita akan dapat diatasi.



Beribu-ribu rakyat Jordan di kota Amman keluar menyaksikan beberapa buah kereta kebal dan lori-lori tentera Israel yang telah ditawan oleh tentera-tentera Jordan di dalam suatu pertempuran pada bulan Mac yang lalu. Kereta-kereta kebal ini telah ditawan oleh tentera-tentera Jordan di sebuah kampung bernama “Al Shaunah” tempat perkubuan gerila-gerila Arab yang paling ditakuti oleh tentera-tentera Yahudi. – (Dipetik dari “Al-Madinah al-Munawwarah” Madinah).